



FRASER & NEAVE HOLDINGS BHD

(No. Syarikat 004205-V)

Versi 7.1

DASAR PEMBERITAHUAN MAKLUMAT

Maklumat dan Sejarah Dokumen

Pemilik Dokumen	Jabatan Pengurusan Risiko
Disemak dan Disahkan Oleh & Tarikh	Jawatankuasa Audit Jun 2020
Diluluskan Oleh & Tarikh	Lembaga Pengarah Jun 2020
Versi Dokumen	7.1
Tarikh Semakan Terakhir	15 Mei 2026
Tarikh Berkuatkuasa	15 Mei 2026

Tarikh	Versi	Rujukan Perubahan
Mac 2013	1.0	Penciptaan dokumen
Januari 2016	2.0	Semakan dokumen
Ogos 2017	3.0	Semakan dokumen
Ogos 2018	4.0	Semakan dokumen
Ogos 2019	5.0	Kekerapan semakan
Mei 2020	6.0	Pindaan ke atas pegawai-pegawai penerima
Jun 2020	7.0	Untuk menjelaskan liputan dasar dan merangkumi pihak luar dalam Dasar Pemberitahuan Maklumat
Mei 2026	7.1	Kemas kini maklumat Pegawai Penerima

1.0 PENGENALAN

- 1.1.** Fraser & Neave Holdings Bhd ("Syarikat") telah memutuskan untuk menerimapakai Dasar Pemberitahuan Maklumat ini ("Dasar") sebagai rangka akauntabiliti dan pengurusan risiko dan langkah-langkah dalam menyokong dan mempromosikan amalan-amalan tadbir urus korporat yang baik.
- 1.2.** Syarikat mengesahkan: -
 - (a) potensi besar untuk pekerja-pekerja mengesan penyelewengan di tempat kerja, dan keperluan Syarikat dan pekerjanya untuk bekerjasama dalam mencegah /membetulkan perkara-perkara tersebut; dan
 - (b) bahawa pekerja-pekerja mungkin enggan menyatakan kebimbangan mereka, kerana takut diganggu atau menjadi mangsa di tempat kerja.
- 1.3.** Syarikat pada masa sekarang mempunyai kawalan-kawalan dalaman yang baik. Dasar Pemberitahuan Maklumat adalah untuk membolehkan perniagaan-perniagaan Syarikat bertindak pantas terhadap kebimbangan-kebimbangan yang timbul walaupun terdapat perubahan dalam persekitaran dan untuk memastikan bahawa budaya korporat yang berintegriti, telus dan bertanggungjawab dalam mengatur semua perniagaan Syarikat.

2.0 DASAR

- 2.1** Syarikat komited pada standard integriti, ketelusan dan akauntabiliti setinggi mungkin untuk melindungi kepentingan pemegang-pemegang saham, dan aset-aset serta reputasi Syarikat. Dasar Pemberitahuan Maklumat telah digubal selaras dengan komitmen ini.
- 2.2** Dasar Pemberitahuan Maklumat berfungsi untuk mendorong dan menyediakan saluran kepada pekerja-pekerja dan rakan-rakan perniagaan, penaja-penaja, atau orang lain yang berkaitan dengan Syarikat untuk melaporkan dengan niat baik dan yakin, tanpa rasa takut akan akibat dan kebimbangan akan kemungkinan penyelewengan-penyelewangan yang berlaku seperti yang dinyatakan di dalam perkara-perkara yang ditetapkan di perenggan 3 di bawah. Dasar Pemberitahuan Maklumat membekalkan kepada pengadu:
 - (a) satu set prosedur untuk membolehkan mereka menimbulkan kebimbangan dengan niat baik, dan menerima maklum balas daripada Syarikat mengenai tindakan-tindakan, jika ada, yang diambil berkenaan dengan kebimbangan-kebimbangan tersebut.
 - (b) memberi jaminan bahawa pengadu akan dilayan dengan adil, dan sehingga, mereka akan dilindungi dari gangguan atau dijadikan mangsa akibat daripada memberi maklumat dengan niat baik.

- 2.3** Syarikat mengharapkan pekerja-pekerjanya mematuhi Dasar Pemberitahuan Maklumat pada setiap masa.
- 2.4** Istilah "pemberitahuan maklumat" merujuk kepada pendedahan yang dibuat berdasarkan alasan yang wajar dengan niat baik oleh pekerja, mengenai salah laku yang nyata atau yang dirasakan di dalam Syarikat dan kumpulan syarikat-syarikatnya. Pelaporan niat baik itu tidak boleh dibuat secara tidak berhati-hati, berniat jahat dan / atau untuk kepentingan peribadi.

3.0 SKOP

3.1 Skop Dasar merangkumi perkara-perkara berikut, yang sebenarnya atau disyaki:

- (a) salah laku kewangan atau profesional;
- (b) tingkah laku yang tidak betul, tingkah laku yang tidak jujur atau tidak beretika, atau keganasan di tempat kerja;
- (c) apa-apa pelanggaran, penyimpangan atau ketidakpatuhan terhadap undang-undang / peraturan di Malaysia atau di negara-negara penugasan, dan / atau kawalan dalaman;
- (d) konflik kepentingan;
- (e) kesihatan / keselamatan mana-mana individu akan atau mungkin terancam atau kerosakan yang mungkin berlaku kepada alam sekitar; dan
- (f) sebarang penyelewengan atau perkara lain yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang-pemegang saham dan aset-aset Syarikat serta reputasinya.

3.2 Pemberitahuan Maklumat tidak termasuk jenis pendedahan berikut:

- (a) perkara-perkara operasi yang harus ditangani di peringkat Unit Perniagaan; atau
- (b) sumber manusia atau isu-isu lain di mana terdapat prosedur penyelesaian yang ditetapkan oleh Syarikat.

3.3 Dalam Dasar Pemberitahuan Maklumat ini, melainkan jika konteksnya menghendaki sebaliknya, semua rujukan kepada pekerja dalam Dasar Pemberitahuan Maklumat ini hendaklah merangkumi mana-mana rakan niaga, penaja, atau orang lain yang berkaitan dengan Syarikat. Untuk mengelakkan keraguan, Dasar Pemberitahuan Maklumat ini terpakai kepada semua anak syarikat dan syarikat yang berkaitan dengan Fraser & Neave Holdings Bhd di Malaysia.

4.0 PELAPORAN / PENDEDAHAN YANG BERNIAT BAIK

4.1 Mana-mana pekerja yang mempunyai kepercayaan yang munasabah bahawa terdapat salah laku serius, sebenarnya atau disyaki, berlaku dengan salah satu perkara yang dinyatakan dalam perenggan 3 di atas, harus memberitahu Syarikat melalui Pegawai Penerima berikut:

Pengerusi Jawatankuasa Audit
No telefon : 603-9235 2232
Alamat : d/a Lembaga Pengarah
Fraser & Neave Holdings Bhd
No.1, Jalan Bukit Belimbing 26/38
Persiaran Kuala Selangor
Seksyen 26, 40400 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Emel : whistleblowing@fn.com.my

Dasar Pemberitahuan Maklumat ini berserta dengan Dasar Anti-Rasuah, Dasar Kawalan Penipuan, Kod Amalan Perniagaan Bagi Pihak-Pihak Ketiga dan Kod Etika & Tatakelakuan Perniagaan boleh didapati di laman web Syarikat:
<https://www.fn.com.my/investors/#corporate-governance>

5.0 KESULITAN

- 5.1** Tertakluk pada perenggan 6.3 di bawah, Syarikat akan melayan semua pendedahan tersebut secara sulit dan sensitif serta indentiti yang membuat laporan dengan niat baik akan diberi ganti rugi dan dilindungi. Maklumat itu akan disimpan, sebaik mungkin, dengan tahap kesulitan yang paling tinggi, oleh Syarikat dan pekerja yang membuat laporan itu dengan niat baik.
- 5.2** Perlu difahami bahawa proses penyiasatan, termasuk laporan yang mungkin perlu dibuat kepada polis, mungkin akan mendedahkan sumber maklumat tersebut, dan pernyataan oleh pemberi maklumat mungkin diperlukan sebagai sebahagian daripada bukti.

6.0 KESELAMATAN

- 6.1** Syarikat mengakui bahawa keputusan pekerja untuk melaporkan salah satu atau lebih perkara yang dinyatakan dalam perenggan 3 di atas adalah sukar untuk dibuat, termasuk kebimbangan mengenai akibat yang mungkin diterima dari mereka yang bertanggungjawab atas perkara tersebut.
- 6.2** Syarikat tidak akan bertolak ansur dengan gangguan atau pemangsaaan pekerja, dan memastikan bahawa setiap pekerja yang membuat pendedahan dengan niat baik:
- (a) tidak akan dikenakan denda atau mengalami sebarang layanan buruk kerana melakukannya; dan
 - (b) akan diberi ganti rugi dan dilindungi untuk memastikan bahawa pekerja tidak mengalami kerugian peribadi dengan membuat laporan dengan niat baik, termasuk, jika perlu, mengemukakan rayuan kepada Jawatankuasa Audit.
- 6.3** Walau bagaimanapun, mana-mana pekerja yang tidak bertindak dengan niat baik dan membuat tuduhan tanpa mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai kebenarannya, atau melakukannya untuk tujuan keuntungan peribadi, atau berniat jahat, boleh dikenakan tindakan yang sewajarnya oleh Syarikat.
- 6.4** Pemberitahuan maklumat adalah digalakkan oleh Syarikat, selagi pendedahan tersebut merupakan pendedahan yang bertanggungjawab yang dibuat dengan niat baik, dan untuk kepentingan Syarikat dan pemegang-pemegang sahamnya. Pemberi maklumat mesti memahami keseriusan tindakannya dan bersedia untuk memikul tanggungjawab terhadapnya.

7.0 KOMITMEN DARI PENGURUSAN KANAN & LEMBAGA PENGARAH

- 7.1** Dasar Pemberitahuan Maklumat mempunyai komitmen dan sokongan Pengurusan Kanan dan telah disahkan oleh Jawatankuasa Audit dan disetujui oleh Lembaga Pengarah ("Lembaga").

- 7.2 Lembaga mendorong pekerja untuk merekodkan kebimbangan-kebimbangan yang tulen berhubung dengan pelanggaran kewajipan undang-undang (termasuk kelalaian, kegiatan jenayah, pelanggaran kontrak dan pelanggaran undang-undang), pelanggaran keadilan, bahaya terhadap kesihatan dan keselamatan atau terhadap persekitaran dan kelakuan yang menyembunyikan peristiwa-peristiwa yang disebut di atas.
- 7.3 Lembaga memastikan bahawa kebimbangan-kebimbangan yang sah dapat disiasat dan ditangani secara objektif dan sesuai dengan Dasar Pemberitahuan Maklumat. Individu seharusnya dapat menimbulkan kebimbangan mengenai amalan-amalan haram, tidak beretika atau dipersoalkan secara yakin dan tanpa mengira risiko akibat yang akan diterima.

8.0 KOMUNIKASI

- 8.1 Dasar ini mendorong pekerja yang membuat laporan dengan niat baik untuk memasukkan namanya dalam pendedahan tersebut. Sebarang pendedahan yang dibuat kepada Syarikat tanpa nama kurang memberi kesan, tetapi akan dipertimbangkan mengikut keputusan Syarikat.
- 8.2 Sekiranya terdapat kebimbangan, adalah lebih baik untuk mengemukakan secara bertulis di dalam bentuk yang dinyatakan dalam **Lampiran 1** ke pejabat Pegawai Penerima. Sekiranya ianya tidak sesuai untuk mengemukakan masalah tersebut secara bertulis, pekerja boleh menelefon pejabat Pegawai Penerima di nombor telefon yang dinyatakan dalam perenggan 4 di atas. Carta Saluran Komunikasi adalah dinyatakan dalam **Lampiran 2**.
- 8.3 Tindakan yang mungkin diambil oleh Syarikat akan bergantung kepada sifat pendedahan yang dibuat dengan niat baik oleh pekerja. Kebimbangan yang ditimbulkan, bergantung pada tahap serius perkara tersebut, tindakan berikut boleh diambil:
- (a) disiasat secara dalaman;
 - (b) dirujuk kepada polis;
 - (c) dirujuk kepada juruaudit luar; dan / atau
 - (d) membentuk subjek siasatan bebas.

Kebimbangan-kebimbangan yang ditimbulkan mungkin boleh diselesaikan dengan tindakan yang dipersetujui tanpa memerlukan penyiasatan.

- 8.4** Dalam masa dua puluh satu (21) hari bekerja dari tarikh laporan kebimbangan itu diterima, Syarikat akan menulis surat kepada pekerja yang melaporkan perkara itu dengan niat baik untuk:
- (a) mengakui bahawa kebimbangan telah diterima;
 - (b) meminta maklumat lebih lanjut daripada pekerja; dan / atau
 - (c) memaklumkan pekerja sama ada siasatan lebih lanjut akan dilakukan, dan jika tidak, alasan untuk tidak meneruskan siasatan.
- 8.5** Tertakluk pada batasan undang-undang dan kerahsiaan, pekerja yang membuat laporan dengan niat baik mungkin akan menerima maklumat mengenai hasil siasatan. Sekiranya perkara tersebut berlaku, pekerja harus mematuhi kesulitan yang paling tegas berhubung dengan maklumat tersebut.

9.0 KEKERAPAN SEMAKAN

- 9.1** Kecukupan dan relevannya Dasar Pemberitahuan Maklumat F&N ini akan disemak secara berkala oleh Jabatan Pengurusan Risiko dan dari masa ke semasa akan mengesyorkan perubahan yang dicadangkan kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga sebagaimana yang difikirkan sesuai. Selepas itu, dasar tersebut akan diserahkan kepada Jawatankuasa Audit untuk disahkan dan dicadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk mendapatkan kelulusan.



No. 1, Jalan Bukit Belimbing 26/38
Persiaran Kuala Selangor
Section 26, 40400 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel:603-9235 2288 Faks:603-9222 7878

FRASER & NEAVE HOLDINGS BHD

(No.Syarikat: 004205-V)

Peribadi dan Sulit

LAPORAN

DASAR PEMBERITAHUAN MAKLUMAT

Sila isi borang ini dan hantarkan ke whistleblowing@fn.com.my.

1.	<i>Nama:</i> <i>Jawatan:</i> <i>Unit / Jabatan:</i> <i>No telefon:</i> <i>Emel:</i>
2.	<i>Sejarah kebimbangan dengan memberikan nama, tarikh dan tempat, jika boleh.</i>
3.	<i>Sebab-sebab kebimbangan.</i>

Catatan: Sila gunakan helaian kertas tambahan jika ruang yang disediakan di atas tidak mencukupi.

Tandatangan : _____
Nama : _____
Kad Pengenalan : _____
Tarikh : _____

Dasar Pemberitahuan Maklumat Saluran Komunikasi

